

**PENGETAHUAN PELAJAR TERHADAP MATA PELAJARAN PENDIDIKAN
SYARIAH ISLAMIAH – KAJIAN DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN
AGAMA PEREMPUAN KANGAR PERLIS**

Aminuddin Bin Ruskam Al-Dawamy & Noor Diyana Binti Kamaruddin
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

ABSTRAK : Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengetahuan pelajar tingkatan lima terhadap mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah. Selain itu kajian ini juga adalah bertujuan untuk mengenal pasti minat pelajar terhadap mata pelajaran ini, pengetahuan pelajar terhadap jenis-jenis kesalahan jenayah syariah dalam Islam serta hukuman yang dikenakan ke atas pesalah jenayah syariah. Semua pelajar tingkatan lima di sekolah berkenaan telah terlibat dalam kajian ini. Instrumen kajian yang digunakan berbentuk soal selidik yang mengandungi 45 item soalan. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan *Statistical Package For Social Science* (SPSS) versi 14.0 bagi mendapatkan kekerapan, min dan peratusan. Nilai kebolehpercayaan soal selidik ialah $\alpha = 0.807$. Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi kebanyakan responden bersetuju dengan persoalan yang dikemukakan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengetahuan pelajar serta minat pelajar terhadap mata pelajaran ini berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min masing-masing 4.28 dan 4.21. Namun demikian, tahap pengetahuan pelajar terhadap jenis-jenis kesalahan jenayah syariah serta hukuman yang dikenakan ke atas pesalah jenayah syariah berada pada tahap yang sederhana berdasarkan nilai min masing-masing 3.25 dan 3.39. Pada akhir kajian juga disertakan beberapa cadangan agar ia menjadi panduan dan tindakan pihak-pihak tertentu. Antara cadangan yang dikemukakan adalah untuk pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, pihak sekolah dan juga pelajar itu sendiri.

ABSTRACT : This research aims to determine knowledge among form five students towards subject Education of Islamic Syariah. It is carried out to identify interest among students to this subject, the knowledge among students about kinds of crime syariah in Islam and punishments for criminal syariah. In this research, all form five students from that school were involved as the respondents. A set of questionnaire with 45 questions was used as the research instrument. The data was analyzed using *Statistical Package for Social Science* (SPSS), software version 14.0 in order to get the frequency, percentage and the average of the data. The reliability for this questionnaire is $\alpha = 0.807$. Based on the findings, most of the respondents agree with the questions posed. The findings revealed that the knowledge and interest among students towards this subject were at a high level with min value are 4.28 and 4.21. However, the knowledge among students about kinds of crimes syariah in Islam and punishments for criminal syariah was at the moderate level with min value are 3.25 and 3.39. At the end of the research, a few suggestions had been given such as for Ministry of Education Malaysia, school and students as a guideline and endorsement to the respective parties.

Katakunci : *Pendidikan Syariah Islamiah, Statistical Package For Social Science (SPSS)*

PENGENALAN

Falsafah Pendidikan Negara (FPN) menyatakan bahawa pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah mengembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang harmoni dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan

mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat serta Negara (Dr. Ee Ah Meng, 2003:20).

KBSR dan KBSM merupakan hasil perubahan yang diaspirasikan di dalam FPN (Dr. Ee Ah Meng, 2003:25). KBSM ialah akronim bagi Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. Kurikulum ini berupa perkembangan dari Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) iaitu akan mengembangkan lagi pendidikan asas dan memperkenalkan pendidikan umum yang juga merangkumi aspek-aspek pendidikan pravokasional. Kandungan KBSM mempunyai pertalian rapat antara manusia, alam dan Tuhan. Kemahiran-kemahiran 3M (mendapat, meningkat dan menyebarkan ilmu) akan terus diperkukuhkan dan diperkembangkan lagi. KBSM adalah berorientasikan unsur-unsur moral. Ini bermakna unsur nilai akan dititikberatkan. Tumpuan khas bagi mengajar nilai-nilai murni akan dilakukan melalui Pendidikan Islam (bagi pelajar Islam) dan Pendidikan Moral (bagi pelajar bukan Islam).

Oleh itu, rasional kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji pengetahuan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Perempuan Kangan terhadap mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah di mana fokus kajian adalah pada tajuk Jenayah Dalam Islam.

PERNYATAAN MASALAH

Selain kes-kes jenayah yang berlaku di kalangan pelajar sekolah menengah, terdapat juga kes-kes jenayah yang berlaku di kalangan pelajar sekolah menengah agama. Antaranya ialah laporan mengenai tujuh orang pelajar dari Sekolah Menengah Agama Haji Mohd. Yatim (SMAHMY) yang keluar dari asrama sekolah mereka dan tidur di kawasan landasan kereta api sehingga menyebabkan dua daripada mereka maut akibat digilis kereta api kargo. Takut kepada pelajar senior dikatakan punca pelajar-pelajar tersebut melarikan diri. Empat daripada lima pelajar yang terselamat itu memberitahu pemberita bahawa mereka keluar dari asrama itu selepas digertak oleh pelajar senior yang mahu memukul mereka (Utusan Malaysia, 28 Oktober 2007).

Seterusnya, laporan berita Agenda Daily pada 30 Ogos 2008, seramai lapan orang pelajar tingkatan lima Sekolah Menengah Agama (SMA) Dato' Klana Petra Ma'amor di Seremban didapati bersalah atas tuduhan membunuh seorang pelajar tingkatan empat sekolah yang sama, Muhammad Farid Ibrahim, 16, pada Mac lepas. Lapan pelajar, lima berasal dari Kuala Lumpur dan tiga dari Negeri Sembilan, dituduh secara bersama-sama membunuh Muhammad Farid Ibrahim, 16, pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Agama (SMA) Dato' Klana Petra Ma'amor, Seremban Negeri Sembilan. Kesemua mereka yang berusia 17 tahun didakwa melakukan perbuatan itu antara pukul 10.30 pagi dan 4.15 petang di Dom Osman, Tingkat Dua, Asrama Putera sekolah itu pada 28 Mac lepas (<http://www.agendadaily.com>).

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan berdasarkan objektif-objektif berikut:

- 1.4.1 Untuk mendapatkan maklumat berkaitan pengetahuan pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah.
- 1.4.2 Untuk mengetahui minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah.
- 1.4.3 Untuk mengenalpasti pengetahuan pelajar terhadap jenis-jenis kesalahan dalam jenayah syariah.

KEPENTINGAN KAJIAN

1. Mendapatkan maklum balas daripada pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Perempuan Kargar tentang sejauhmana pengetahuan mereka terhadap jenayah syariah. Melalui maklumat yang diperolehi diharap dapat membantu pihak-pihak tertentu terutamanya para guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka.
2. Dapatan kajian diharapkan dapat membantu mana-mana pihak yang memerlukan data berkenaan dengan pengetahuan pelajar sekolah menengah agama terhadap jenayah syariah.
3. Adalah diharapkan melalui soal selidik yang bakal diedarkan ini secara tidak langsung memberi gambaran umum tentang jenayah syariah kepada para pelajar serta mewujudkan rasa ingin tahu dengan lebih lanjut dalam diri mereka tentang jenayah syariah.

REKA BENTUK KAJIAN

Di dalam penyelidikan ini, penyelidik menjalankan kajian berbentuk kajian deskriptif yang menggunakan soal selidik untuk mengenalpasti pengetahuan pelajar-pelajar tingkatan lima terhadap mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah di salah sebuah sekolah agama di negeri Perlis.

Kajian yang menggunakan soal selidik sesuai digunakan dalam penyelidikan. Ia bertujuan untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Soal selidik digunakan bagi mengkaji sikap, persepsi dan pandangan, selain latar belakang.

POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN

Populasi ialah sekumpulan besar individu yang hendak dikaji. Ia juga boleh merupakan objek atau peristiwa yang dikaji manakala sampel pula ialah kumpulan yang dikaji yang didapati daripada populasi (Mohd. Yusof Arshad, 1998:50). Dalam kajian ini, penyelidik memilih pelajar-pelajar tingkatan lima Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Perempuan Kargar Perlis sebagai populasi. Penyelidik memilih kesemua jumlah populasi untuk dijadikan sampel kajian. Seramai 120 orang pelajar yang terlibat dalam kajian ini. Soal selidik diedarkan kepada semua sampel. Namun, setelah soal selidik dikembalikan, hanya 93 borang soal selidik sahaja yang memenuhi piawaian penyelidik. Oleh itu, sebanyak 93 borang soal selidik dianalisis bagi mendapatkan dapatan, dibuat rumusan dan memberi cadangan yang mungkin dapat mengemaskini kajian ini.

INSTRUMEN KAJIAN

Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan instrumen soal selidik yang dikemukakan kepada responden. Penggunaan soal selidik menepati kaedah untuk mendapatkan data kajian disebabkan kaedah ini mudah untuk dikendalikan dan mudah untuk mendapatkan kerjasama responden. Responden bebas memilih jawapan tanpa rasa segan dan bilangan responden yang ramai boleh meningkatkan kebolehpercayaan kajian.

Menurut Mohd. Majid Konting (2004:202), soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan dalam penyelidikan pendidikan. Soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat yang tepat berkenaan fakta-fakta seperti kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Selain itu, menurut Ahmad Sunawari Long (2008:56), kaedah pengedaran soal selidik adalah kaedah yang paling banyak digunakan dalam kajian sains sosial. Set soal selidik yang disediakan terdiri daripada lima bahagian iaitu bahagian A, B, C, D dan bahagian E.

KAJIAN RINTIS

Sebelum melakukan kajian sebenar ke atas responden, penyelidik terlebih dahulu melakukan kajian rintis. Kajian rintis ialah kajian awal yang dijalankan sebelum menjalankan kajian sebenar. Tujuan diadakan kajian rintis adalah untuk menguji tahap kesahan dan kebolehpercayaan item-item soal selidik. Kajian rintis ini akan dijalankan di sebuah sekolah menengah agama perempuan di negeri Pulau Pinang iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Perempuan Al-Mashor Pulau Pinang. Seramai 10 orang sampel pelajar perempuan tingkatan lima daripada pelajar sekolah berkenaan yang dipilih secara rawak untuk menjawab soal selidik ini. Hasil analisis mendapati soal selidik mencapai tahap kebolehpercayaan yang tinggi iaitu dengan nilai alpha 0.807.

ANALISIS DATA

Kebanyakan tahap pengetahuan responden berada pada tahap sederhana berdasarkan nilai min berada di antara 2.34 hingga 3.66 seperti yang dinyatakan dalam Bab III. Kebanyakan item soalan telah mencapai tahap min yang sederhana setelah satu item negatif telah diterbalikkan skornya untuk menilai pengetahuan pelajar terhadap hukuman yang dikenakan ke atas pesalah jenayah syariah iaitu item 2. Item 1 iaitu pernyataan tentang 'Dalam hukum hudud setiap pencuri akan dipotong tangannya' merupakan dapatan paling tinggi bagi objektif keempat ini yang menunjukkan min 4.27, di mana 78 orang (83.9%) bersetuju dengan pernyataan ini. Selain itu bagi item 3 iaitu 'Hukuman hudud merupakan ketetapan daripada Allah s.w.t kepada hamba-Nya' seramai 55 orang responden memberikan persetujuan positif atau 59.1% dengan nilai min 3.76.

Didapati bahawa kebanyakan pengetahuan responden berada pada tahap sederhana berdasarkan nilai min berada di antara 2.34 hingga 3.66 seperti yang dinyatakan dalam Bab III setelah beberapa item negatif telah diterbalikkan skornya untuk menilai pengetahuan pelajar terhadap jenis-jenis kesalahan jenayah syariah iaitu item 7 dan item 9. Item 3 iaitu pernyataan tentang 'Kesalahan hudud ialah zina, minum arak, murtad, mencuri dan samun' merupakan dapatan paling tinggi bagi objektif ketiga ini yang menunjukkan min 3.56, di mana 43 orang (46.2%) bersetuju dengan pernyataan ini. Selain itu bagi item 6 dan 4 masing-masing dengan skor min sebanyak 3.44 dan 3.41. Ia berkaitan dengan pernyataan 'Perbuatan membunuh dan mencederakan merupakan jenayah qisas dan 'Qazaf ialah membuat tuduhan zina ke atas seorang yang baik' dengan peratusan persetujuan sebanyak 35.5% dan 29.0%.

Ini diikuti dengan item 10 iaitu 'Rasuah merupakan salah satu daripada jenayah takzir' dengan nilai min 3.38 sebanyak 31.2% menyatakan tahap persetujuan yang positif. Manakala bagi item 1 dan 8 masing-masing mencatat nilai min sebanyak 3.37 dan 3.33 iaitu pernyataan 'Jenayah syariah terbahagi kepada tiga' dan 'Riba merupakan salah satu daripada jenayah takzir' dengan peratusan sebanyak 24.7% dan 31.2%. Item ke 2 dan 5 mencatat nilai min sebanyak 3.31 dan 3.20 dengan peratusan 23.7% dan 33.3% berkaitan dengan pernyataan 'Kesalahan hudud terbahagi kepada tujuh' dan 'Membunuh terbahagi tiga, iaitu bunuh dengan sengaja, separuh sengaja dan tidak sengaja'.

Didapati bahawa minat responden berada pada tahap yang tinggi berdasarkan nilai min tinggi berada di antara 3.50 hingga 5.00 seperti yang dinyatakan dalam Bab III. Kesemua item soalan telah mencapai tahap min yang tinggi. Item 9 iaitu pernyataan tentang 'Guru sentiasa membantu saya untuk memahami mata pelajaran ini' merupakan dapatan paling tinggi bagi objektif kedua ini menunjukkan min 4.57, di mana 93 orang (100%) bersetuju dengan pernyataan ini. Selain itu bagi item 4 iaitu 'Pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah mampu mengubah tingkah laku pelajar' seramai 89 orang responden memberikan persetujuan atau 95.7% dengan nilai min 4.55.

Manakala bagi item 10, 1 dan 7 masing-masing mencatat nilai min iaitu 4.52, 4.32 dan 4.28 dengan pernyataan 'Mata pelajaran ini banyak membantu saya untuk menjadi insane yang solehah', 'Pendidikan Syariah Islamiah menjadikan saya suka menghadiri kelas' dan 'Saya rasa rugi kalau tidak hadir ke kelas bagi mata pelajaran ini'. Bagi ketiga item-item ini ia mencatat peratusan sebanyak 92.5%, 90.3% dan 90.3% orang responden memberikan persetujuan. Ini diikuti dengan item 6 dan 2 mencatat nilai min sebanyak 4.18 dan 4.10 dengan peratusan 86.0% dan 79.6% berkaitan dengan pernyataan 'Saya berasa gembira setiap kali tiba waktu mata pelajaran ini' dan 'Mata pelajaran ini adalah mata pelajaran yang paling saya minati'.

Seterusnya item 3 dengan peratusan sebanyak 78.5% dengan nilai min 4.02 dengan bilangan responden seramai 73 orang. Manakala bagi item 5 dan 8 pula iaitu pernyataan tentang 'Saya mengamalkan apa yang dipelajari dalam mata pelajaran ini' dan 'Saya sentiasa bertanya kepada guru sekiranya tidak faham dengan tajuk yang diajar' menunjukkan min yang terendah iaitu 3.88 dan 3.69 dengan kekerapan 72 orang (77.4%) dan 60 orang (64.5 %) responden yang bersetuju dengan pernyataan ini.

Min keseluruhan bagi objektif kedua ini berada pada tahap yang tinggi iaitu sebanyak 4.21. Ini menunjukkan bahawa responden mempunyai minat yang tinggi terhadap mata pelajaran Pendidikan Syariah.

PERBINCANGAN

Kajian ini dijalankan ke atas 93 orang pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Perempuan. Berdasarkan dapatan kajian, penyelidik dapati bahawa seramai 68 orang responden (73.1%) tinggal di rumah dan selebihnya iaitu seramai 25 orang responden (26.9%) tinggal di asrama. Ini menunjukkan kebanyakan pelajar tingkatan 5 Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Perempuan Kangan ini tinggal di rumah.

Hasil dapatan kajian berkaitan dengan sekolah asal, penyelidik mendapati seramai 92 orang responden (98.9%) adalah berasal dari Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan seorang responden (1.1%) lagi dari Sekolah Menengah Agama. Oleh itu, kesemua pelajar di sekolah ini berasal dari sekolah agama dan sudah semestinya mereka mempunyai pengetahuan agama yang lebih jika dibandingkan dengan pelajar sekolah menengah biasa.

Seterusnya, hasil dapatan kajian berkaitan dengan tujuan belajar di sekolah agama, penyelidik mendapati bahawa kebanyakan pelajar sememangnya berminat untuk belajar di sekolah agama. Hal ini berdasarkan hasil dapatan kajian iaitu seramai 49 orang responden (52.7%) bersetuju bahawa mereka sememangnya berminat belajar di sekolah agama. Namun, terdapat juga pelajar yang memilih untuk belajar di sekolah agama atas dorongan ibu bapa iaitu seramai 41 orang responden (44.1%). Ada juga pelajar yang memilih untuk belajar di sekolah agama kerana terpaksa. Namun jumlahnya hanya 3 orang responden (3.2%). Berdasarkan dapatan kajian bagi persoalan ini menunjukkan kebanyakan responden memilih untuk belajar di sekolah agama adalah atas dasar minat mereka.

Berdasarkan objektif kajian yang pertama iaitu berkaitan dengan pengetahuan pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden yang dikaji mempunyai pengetahuan yang tinggiterhadap mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah berdasarkan nilai min bagi keseluruhan sebanyak 4.15.

Berdasarkan objektif kajian yang kedua iaitu berkaitan dengan minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden yang dikaji mempunyai minat yang tinggi terhadap mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah berdasarkan nilai min bagi keseluruhan sebanyak 4.21.

Merujuk kepada item 9, dapatan kajian mendapati sebanyak 100% responden bersetuju dengan item ini. Nilai min yang dicatat ialah 4.57. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden berpandangan bahawa guru banyak memberi peranan dalam membantu para pelajar memahami sesuatu mata pelajaran itu. Tidak dinafikan bahawa dengan adanya guru, pelajar akan lebih mudah untuk memahami sesuatu isi pelajaran. Sikap guru di dalam kelas juga memainkan peranan yang penting dalam menarik minat pelajar untuk belajar. Hal ini bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Asma Hanim Binti Mokhtar (2004) yang bertajuk Faktor- Faktor Yang Mendorong Minat Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Arab. Kajian Di Sekolah Menengah Ugama (A) Maahad Muhammadi (P), Kota Bharu Kelantan. Dapatan kajian mendapati bahawa faktor diri dan guru mempunyai pengaruh yang tinggi terhadap minat dengan min sebanyak 3.92 dan 3.69.

RUJUKAN

- Abdul Latif b.Muda. (1995). *Ulum Syariah Tingkatan 5*. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai.
- Ahmad Mohd. Salleh. (2004). *PENDIDIKAN ISLAM, Falsafah, Sejarah dan Kaedah Pengajaran Pembelajaran*. Selangor : Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Ahmad Sunawari Long. (2008). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Selangor: Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aimi bin Hamzah et.al. (2003). *Buku teks Pendidikan Syariah Islamiah Tingkatan 5*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dr. Abbas Husni Mohamad. (1996). *Perkembangan Fiqah Islam*. Terengganu: Percetakan Yayasan Islam.
- Dr. Ee Ah Meng. (2003). *Ilmu Pendidikan Pengetahuan dan Keterampilan Ikhtisas Semester 1*. Selangor: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Dr.Mustofa Al-Khin et.al. (2005). *Kitab Fikah Mazhab Syafie Jilid 8*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Dr. Wahbah al-Zuhaili. (1997). *Fiqh Dan Perundangan Islam Jilid VI*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Drs. Abdul Ghani Azmi B. Idris. (1997). *Mengenal Qanun Jenayah Islam*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Mohd. Majid Konting. (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (2003). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Yusof Arshad. (1998). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.